



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Isnin, September 14, 2015

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

EN | RU | AR

BERITA »

## Dua jurnal UPM terima status CREAM Skim Galakan Penerbitan 2015

Oleh Azman Zakaria



**LANGKAWI, 3 Sept** - Dua jurnal Universiti Putra Malaysia (UPM), *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* (JSSH), dan *International Food Research Journal* (IFRJ) dipilih sebagai penerima status CREAM di bawah Skim Galakan Penerbitan 2015.

Penyampaian status itu dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada majlis perasmian Persidangan Kebangsaan Penerbitan Jurnal Berimpak Tinggi, di sini.

Selain sijil pengiktirafan itu, kedua-dua jurnal berkenaan setiap satu turut menerima RM12,500 di bawah jurnal indeks kategori Scopus masing-masing dalam bidang 'Arts, Social Sciences & Humanities' dan 'Science, Technology & Medicine.'



Anugerah berkenaan disampaikan Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh.

Sejumlah 13 jurnal tempatan yang menunjukkan prestasi membanggakan dalam pangkalan data antarabangsa dipilih sebagai penerima Skim Galakan Penerbitan (CREAM).

Daripada jumlah jurnal itu, sebanyak tiga jurnal tempatan diindeks dalam *Web of Science* (WoS) dan 10 yang lain dalam pangkalan data bibliografi SCOPUS.

Ketua Editor Eksekutif jurnal *Pertanika*, Dr Nayan Kanwal, berkata ia adalah pengiktirafan penting bagi *Pertanika* kerana ia anugerah yang diberikan oleh kerajaan.

"Saya berharap lebih banyak penyelidikan yang berkualiti dan inovatif dapat dihasilkan oleh Malaysia. Ini akan membawa kepada lebih banyak *citation*, seterusnya memberi impak lebih tinggi kepada jurnal berkenaan,"katanya. – UPM

